

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN PANG HOK LIONG [LABIS]

TARIKH : 01 DISEMBER 2021 (RABU)

SOALAN:

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah perbelanjaan yang telah dibelanjakan untuk membeli *Pegasus Spyware* dari NSO Group dan tujuan utama pembeliannya.

JAWAPAN

**DIJAWAB OLEH YB DATUK DR. ABD LATIFF BIN AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Agensi Keselamatan Siber Kebangsaan (NACSA) di bawah Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah ditubuhkan secara rasmi pada Februari 2017 sebagai agensi peneraju kebangsaan bagi hal keselamatan siber dengan objektif untuk memastikan dan mengukuh daya tahan Malaysia dalam menghadapi ancaman serangan siber. Dalam hal ini NACSA, MKN bertindak dengan menyelaraskan dan menyatukan pakar dan sumber terbaik negara dalam bidang keselamatan siber bagi mendepani ancaman siber negara.
2. Berkaitan jumlah perbelanjaan bagi membeli *Pegasus Spyware* dari NSO Group dan tujuan utama pembelinya, adalah dimaklumkan bahawa **tiada perbincangan, perolehan mahupun perancangan sepertinya dibuat oleh pihak NACSA, MKN berkaitan perisian tersebut.**
3. Walau bagaimanapun, NACSA, MKN sentiasa komited bagi memperkukuh tahap keselamatan siber negara, Kerajaan melalui tadbir urus secara lebih holistik dan terselaraskan. Antara langkah strategik NACSA, MKN adalah dengan membangunkan Pelan Pengurusan Krisis Siber Negara (*National Cyber Crisis Management Plan – NCCMP*), melindungi melindungi Infrastruktur Maklumat Negara Kritikal (CNII), mewujudkan (*National Cyber Coordination and Command Centre - NC4*) dan melancarkan Strategi Keselamatan Siber Malaysia (Malaysia Cyber Security Strategy (MCSS)) 2020-2024.

Sekian, terima kasih.